



UPM bakal menjadi tumpuan sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen ke-40 yang berlangsung sekarang.



TEKNOLOGI pertanian moden antara yang menjadi tumpuan.



JUALAN anak pokok tanaman antara yang sering menjadi tumpuan. - GAMBAR HIASAN



DR. JAPAR SIDIK BUJANG (lima dari kanan) bersama Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Hassan Mohd. Noor (enam dari kanan) melepaskan ikan patin untuk pertandingan memancing sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen ke-40 Universiti Putra Malaysia (UPM) di Bukit Ekspo UPM Serdang, baru-baru ini.

Utusan-UPM bekerjasama anjur aktiviti

SEMPENA Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen ke-40 ini juga UPM bekerjasama dengan Kumpulan Utusan menganjurkan pelbagai pertandingan bagi memeriahkan lagi pesta tersebut.

Antara acara yang yang paling ditunggu-tunggu antaranya pertandingan memancing yang bakal diadakan pada Sabtu ini di kolam 2 dan 3 Bukit Ekspo UPM.

Sebanyak satu tan ikan melibatkan pelbagai spesies disediakan untuk pemancing. Pertandingan tersebut menawarkan hadiah RM3,000 kepada pemenang pertama, kedua (RM2,000) dan ketiga (RM1,000) serta hadiah-hadiah sagu hati.

Acara lain ialah *Fun Run* yang bakal diadakan pada Ahad ini yang menawarkan pelbagai kategori hadiah, *UPM Obstacle Challenge Rakan Muda* iaitu menguji kekuatan fizikal dan

mental berlari menelusuri halangan, peluang menaiki kuda, memberi makan kuda, rusa dan kambing dalam pameran ternakan dan zoo mini.

Sepanjang ekspo itu terdapat pelbagai acara atau permainan yang menawarkan pelbagai hadiah iaitu pertandingan melukis dan mewarna, cabutan bertuah, karikatur, studio penghias wajah, *Explorace*, jualan harga runtuh majalah, sesi bersama ikon, cabutan bertuah, pertandingan *Urban Recycle Agriculture*, mengetengahkan *vertical farming*.